

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 25 November 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK JENAYAH, MALAYSIA, 2021

**Keselamatan awam semakin baik dengan penurunan kes jenayah 21.4 peratus
namun jenayah siber meningkat 99.5 peratus pada 2020 berbanding 2019**

PUTRAJAYA, 25 NOVEMBER 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Statistik Jenayah, Malaysia, 2021**. Laporan ini memuatkan laporan statistik jenayah terpilih iaitu Jenayah Indeks, Dadah, Rasuah, Alam Sekitar, Kesalahan Trafik, Jenayah Siber, Jenayah Maritim dan Pemulihan. Kesalahan Trafik dan Jenayah Siber merupakan statistik baharu dalam penerbitan pada tahun ini. Penyusunan statistik ini adalah berpandukan kepada konsep dan garis panduan daripada *International Classification of Crime for Statistical Purpose Version 1.0* yang diterbitkan oleh *United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)*. Penyusunan statistik jenayah ini adalah berdasarkan rekod pentadbiran yang diperolehi daripada pelbagai agensi. Statistik yang disediakan boleh digunakan untuk mengukur aspek sosial khususnya kesejahteraan rakyat serta keselamatan awam.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Tadbir urus keselamatan terus diperkukuh untuk memastikan negara kekal aman dan ketenteraman awam terpelihara. Ini dapat dilihat pada tahun 2020, kes jenayah menurun 21.4 peratus kepada 65,623 kes berbanding 83,456 kes pada 2019. Kes jenayah ini terdiri daripada jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Kedua-dua jenis jenayah ini menunjukkan penurunan pada 2020. Jenayah kekerasan merekodkan penurunan

19.5 peratus pada 2020 kepada 13,279 kes. Jenayah harta benda pula menurun 21.8 peratus kepada 52,344 kes pada tempoh sama. Antara punca penurunan kes jenayah adalah disebabkan sekatan aktiviti sosial dan rentas sempadan daerah dan negeri berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah membataskan pergerakan individu. Selain itu, aktiviti penguatkuasaan yang lebih ketat oleh pihak berkuasa dan kesedaran masyarakat dalam mempertingkatkan perlindungan daripada ancaman jenayah.”

Berdasarkan rekod kes jenayah kekerasan mengikut daerah pentadbiran, didapati Seremban merekodkan peratusan penurunan tertinggi pada 2020 iaitu 40.6 peratus kepada 326 kes berbanding 549 kes pada tahun sebelumnya. Ini diikuti Johor Bahru (-36.7%) dan Melaka Tengah (-26.3%). Dari segi jenayah harta benda pula, Seberang Perai Tengah mencatatkan penurunan tertinggi iaitu 35.8 peratus pada 2020 kepada 982 kes berbanding 1,529 kes pada 2019. Ini diikuti Melaka Tengah (-32.6%) dan Kuala Muda (-29.4%).

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Penemuan statistik jenayah siber menunjukkan bilangan kes aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 2020 meningkat 99.5 peratus kepada 20,805 aduan (2019: 10,426). Antara aduan yang diterima adalah elemen lucah, palsu, jelik, sumbang dan mengancam. Kesemua elemen aduan mencatatkan peningkatan pada 2020. Peningkatan aduan tertinggi adalah bagi elemen palsu iaitu 117.6 peratus (2020: 6,637; 2019: 3,050).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas lanjut, “Usaha pencegahan jenayah terus dipergiat bagi membentaras kes dadah. Bilangan penagih dadah menurun 20.8 peratus kepada 20,643 orang pada 2020 berbanding 26,080 orang pada 2019. Ini dapat dilihat bilangan penagih dadah yang ditangkap menurun di semua negeri kecuali Johor, Terengganu, W.P. Kuala Lumpur dan Melaka. Bilangan tertinggi penagih dadah yang ditangkap pada 2020 direkodkan di negeri Johor (2,564 orang), diikuti Kedah (2,372 orang) dan Kelantan (2,271 orang). Bilangan penagih dadah yang ditangkap di Johor meningkat pada 2020 namun begitu, di Kedah dan Kelantan menurun pada 2020 berbanding 2019.”


Dari segi aspek pemulihan, bilangan kemasukan banduan sabitan menurun 26.1 peratus pada 2020 (102,045 orang) berbanding 2019 (138,044 orang). Semua negeri merekodkan penurunan bilangan kemasukan banduan sabitan kecuali Sarawak dan Perlis masing-masing merekodkan peningkatan iaitu 9.2 peratus dan 4.9 peratus. Selangor merekodkan bilangan kemasukan banduan sabitan tertinggi iaitu 25,776 orang diikuti Johor (12,158 orang) dan Perak (8,558 orang). Namun begitu, bilangannya menurun berbanding tahun 2019. Komposisi mengikut etnik pulamenunjukkan Bumiputera (69.7%), India (11.5%), Cina (8.4%) dan Lain-lain (10.4%).

Sementara itu, bagi kesalahan trafik, didapati bilangan saman trafik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 2020 meningkat 4.9 peratus kepada 5.3 juta saman berbanding 2019 (5.0 juta saman). Saman yang dikeluarkan secara postal atau diletak pada kenderaan meningkat 11.3 peratus kepada 3.4 juta saman manakala saman yang dikeluarkan secara langsung kepada pesalah trafik mencatatkan penurunan 5.3 peratus kepada 1.8 juta saman.

Merumuskan keseluruhan situasi jenayah pada tahun 2020, majoriti mereka yang terlibat dengan jenayah adalah lelaki. Peratus penagih dadah lelaki 95.3 peratus, bagi tangkapan kesalahan rasuah lelaki 84.6 peratus, kanak-kanak lelaki yang terlibat dengan jenayah 90.5 peratus dan peratus kemasukan banduan sabitan bagi lelaki 90.3 peratus.


Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM ditalian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Jenayah indeks, jenayah kekerasan dan jenayah harta benda, Malaysia, 2016-2020




Sumber: Polis DiRaja Malaysia

Carta 2: Bilangan aduan kandungan media baharu yang diterima oleh SKMM, Malaysia, 2018-2020




Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Carta 3: Penagih dadah mengikut negeri, Malaysia, 2019 dan 2020



Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia

Carta 4: Kemasukan banduan sabitan ke penjara mengikut negeri, Malaysia, 2019 dan 2020



Sumber: Jabatan Penjara Malaysia

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

25 NOVEMBER 2021

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 25th November 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

CRIME STATISTICS, MALAYSIA, 2021

Public safety improved with a 21.4 per cent decrease in criminal cases however cyber crime increased 99.5 per cent in 2020 as compared to 2019

PUTRAJAYA, 25th NOVEMBER 2021 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **Crime Statistics, Malaysia, 2021**. This publication comprises eight selected crime statistics namely Crime Index, Drugs, Corruptions, Environment, Traffic Offences, Cyber Crime, Maritime Crime and Correctional Facility. Traffic Offences and Cyber Crime are new statistics in this year's publication. The compilation of these statistics is guided by the concepts and guidelines from the International Classification of Crime for Statistical Purpose Version 1.0 published by the United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC). The compilation of the crime statistics is based on administrative records obtained from various agencies. The statistics provided can be used to measure social aspects particularly the well-being of the people as well as public safety.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Security governance continues to be strengthened to ensure the country remains peaceful and public order is preserved. This can be seen in 2020, the crime cases decreased 21.4 per cent to 65,623 cases as compared to 83,456 cases in 2019. This crime cases consists of violent crime and property crime. Both crimes showed a decline in 2020. Violent crime recorded a decrease of 19.5 per cent in 2020 to 13,279 cases. Property crime decreased 21.8 per cent to 52,344 cases in the same period. Among the reasons for the decrease in criminal cases were due to restrictions on social activities and cross-district and state borders following the Movement Control Order (MCO) which has restricted the movement

of individuals. In addition, stricter enforcement activities by the authorities and public awareness in enhancing protection from the threat of crime.”

Based on the record of violent crime cases by administrative district, it was found that Seremban recorded the highest percentage of decrease in 2020 with 40.6 per cent to 326 cases as compared to 549 cases in the previous year. This was followed by Johor Bahru (-36.7%) and Melaka Tengah (-26.3%). In terms of property crime, Seberang Perai Tengah recorded the highest decrease of 35.8 per cent in 2020 to 982 cases as compared to 1,529 cases in 2019. This was followed by Melaka Tengah (-32.6%) and Kuala Muda (-29.4%).

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The findings of cyber crime statistics showed that the number of complaints received by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) in 2020 increased by 99.5 per cent to 20,805 complaints (2019: 10,426). Among the elements of the complaint received are obscene, false, offensive, indecent and menacing. All elements of complaints recorded an increase in 2020. The highest increase in complaints was for false element which was 117.6 per cent (2020: 6,637; 2019: 3,050).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further commented, “Crime prevention efforts continue to be intensified to eradicate drug cases. The number of drug addicts decreased 20.8 per cent to 20,643 persons in 2020 as compared to 26,080 persons in 2019. This can be seen in the number of drug addicts arrested decreasing in most states except Johor, Terengganu, W.P. Kuala Lumpur and Melaka. The highest number of drug addicts arrested in 2020 was recorded in Johor (2,564 persons), followed by Kedah (2,372 persons) and Kelantan (2,271 persons). The number of drug addicts arrested in Johor increased in 2020 however in Kedah and Kelantan decreased in 2020 as compared to 2019.”

In terms of correctional facility aspect, the number of convicted prisoners admission declined 26.1 per cent in 2020 (102,045 persons) as compared to 2019 (138,044 persons). All states recorded a decrease in the number of convicted prisoners admission except Sarawak and Perlis which recorded an increase of 9.2 per cent and 4.9 per cent respectively. Selangor recorded the highest number of convicted prisoners


admission at 25,776 persons followed by Johor (12,158 persons) and Perak (8,558 persons). However, the number has decreased as compared to 2019. The composition by ethnicity showed that Bumiputera (69.7%), Indian (11.5%), Chinese (8.4%) and Others (10.4%).

Meanwhile, for traffic offences, it was found that the number of traffic summonses issued by the Royal Malaysian Police (PDRM) in 2020 increased 4.9 per cent to 5.3 million summonses as compared to 2019 (5.0 million summonses). Summons issued by post or placed on a vehicle increased 11.3 per cent to 3.4 million summonses while summons issued directly to a traffic offender recorded a decrease of 5.3 per cent to 1.8 million summonses.

Summarising the overall crime situation in 2020, the majority of those involved in crime are men. The percentage of male drug addicts 95.3 per cent, for corruption offences arrests for male 84.6 per cent, boys involved in crime was 90.5 per cent and the percentage of male convicts was 90.3 per cent.


Our sincere thanks and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88-7720 for further information. The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

**Chart 1: Crime index, violent crime and property crime cases
Malaysia, 2016-2020**




Source: Royal Malaysia Police

**Chart 2: Number of new media content complaints received
by MCMC, Malaysia, 2018-2020**




Source: Malaysian Communications and Multimedia Commission

Chart 3: Drug addicts by state, Malaysia, 2019 and 2020



Source: National Anti-Drugs Agency Malaysia

Chart 4: Admission of convicted prisoners to prison by state, Malaysia, 2019 and 2020



Source: Department of Prison Malaysia

Released by:

CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA OFFICE

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

25th NOVEMBER 2021